

**PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BERTULIS**  
**DARIPADA : YB. DR. MANSOR BIN ABD RAHMAN**  
**KAWASAN : SIK**

**SOALAN:**

**YB. DR. MANSOR BIN ABD RAHMAN (SIK)** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan berhubung permohonan Parlimen Sik bagi memisahkan JKR Daerah Kuala Muda/Sik agar menjadi JKR Daerah Sik sahaja bagi memastikan pentadbiran dan perancangan JKR di Sik lebih tersusun.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian ini dimaklumkan bahawa Kerajaan Negeri Kedah telah mengemukakan kertas cadangan penstrukturan semula Jabatan Kerja Raya (JKR) Negeri Kedah kepada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) pada bulan Ogos 2014. Cadangan penstrukturan semula tersebut termasuklah mengasingkan pentadbiran antara JKR Daerah Kuala Muda dan Daerah Sik. Perkara ini masih sedang dalam peringkat pertimbangan pihak JPA. Kementerian ini menerusi Ibu Pejabat JKR bersedia untuk mengisi perjawatan pegawai dan kakitangan yang terlibat jika permohonan Kerajaan Negeri tersebut diluluskan oleh JPA.

Sekian, terima kasih.